

**SYARAT-SYARAT LESEN HOTEL / RUMAH TUMPANGAN****1. SYARAT-SYARAT AM**

- 1.1 Pengusaha hendaklah menyediakan satu buku daftar pelanggan dan memastikan butiran pelanggan di isi dengan lengkap.
- 1.2 Premis untuk kegunaan bagi aktiviti- aktiviti perniagaan tertentu seperti premis untuk hiburan hendaklah mendapat sokongan Jabatan Polis
- 1.3 Premis yang digunakan hendaklah mematuhi dan memenuhi syarat dan kehendak asas bahagian Kawalan Bangunan MDKL dan mempunyai kelulusan pelan bangunan dan sijil layak menduduki bangunan (CF / CCC)

**2. KEBERSIHAN PREMIS/BANGUNAN DAN KELENGKAPAN/PERALATAN**

- 2.1 Premis/bangunan hendaklah disedia/dilengkapi dengan kemudahan penginapan dan kebersihan yang sesuai, mencukupi dan selamat, yang tidak boleh mengganggu/mengancam keselesaan pelanggan.
- 2.2 Memastikan bilangan bilik dan tandas mencukupi dan dilengkapi dengan peralatan-peralatan yang bersih, sempurna dan selamat digunakan. Bilik mandi dan tandas juga hendaklah sentiasa bersih setiap masa.
- 2.3 Semua taman, halaman kawasan lapang dan kawasan letak kereta yang menjadi sebahagian dari kawasan hotel/rumah tumpangan hendaklah dijaga bersih pada setiap masa.
- 2.4 Kebersihan dan keindahan premis/bangunan sama ada di bahagian/ruang luar atau dalam premis/bangunan hendaklah sentiasa dijaga bersih dengan membaiki/membaik pulih, mengecat atau mengganti bahagian yang rosak, buruk atau pudar supaya kelihatan baik dan menarik.

## **LAMPIRAN 7**

### **3. PENCAHAYAAN**

- 3.1 Pengusaha hendaklah memastikan setiap bilik hotel/penginapan mempunyai ruang cahaya dan udara yang mencukupi dan lampu-lampu yang terang.

### **4. KESELAMATAN**

- 4.1 Pengusaha hendaklah memastikan aspek-aspek keselamatan dipatuhi pada setiap masa. Peralatan-peralatan bomba termasuk bilangan pemadam api yang mencukupi dan loceng amaran kecemasan sentiasa dalam keadaan baik, dan boleh digunakan pada bila-bila masa.
- 4.2 Pengusaha juga hendaklah mempastikan pelanggan tidak menyimpan bahan-bahan yang merbahaya / toksid atau yang mudah terbakar di dalam bilik.
- 4.3 Stor simpanan bahan / barang kelengkapan berada dalam keadaan baik dan selamat.
- 4.4 Pengusaha hendaklah memastikan bahawa pelanggan yang menginap di premis hotel / rumah tumpangan tidak menimbulkan aktiviti seperti dibawah :-
  - Melakukan kerja bermirip maksiat atau berkelakuan jahat di dalam bilik
  - Minum minuman keras / melakukan perbuatan tidak senonoh didalam bilik
  - Menganjurkan apa-apa jenis hiburan didalam bilik
  - Mengadakan apa-apa mesyuarat / perhimpunan berbentuk politik tanpa mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa.
  - Menimbulkan kekacauan yang boleh mengganggu ketenteraman penghuni lain,

### **PERINGATAN**

**\*\*Segala arahan daripada Yang Dipertua atau mana-mana pegawai Majlis ini yang diberi kuasa hendaklah dipatuhi dari masa ke semasa.**

Disediakan Oleh :

Jabatan Pelesenan dan Kesihatan Persekutaran  
Majlis Daerah Kuala Langat